

Bil. (18) dlm. SUDKU. 7/79.

TELEFON: S'BAN. 712586.

PEJABAT DEWAN KEADILAN DAN UNDANG,
NEGERI SEMBILAN,
d/a ISTANA HINGGAP,
SEREMBAN.

16hb. Jun, 1982.

Yang Berbahgia,

Dato' Muda Linggi,

(Dato' Zaharin bin Haji Maulud)

Kg. Pengkalan Durian,

LINGGI, N.S.

Dato',

MAKALAH ADAT

Dalam Sidang Mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan (Kali Yang Kedua/1982) yang telah diadakan pada 20hb. Mei, 1982 lalu telah disebut mengenai hal Adat yang ada ternyata di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 di perenggan 32 nya yang berbunyi:-

BAHAGIAN PERTAMA

"32., maka Bahagian ini tiadalah menyentuh Aturan dan Adat Negeri Sembilan Zaman Purbakala, tetapi Aturan dan Adat Zaman Purbakala itu mana-mana yang tidak berlawanan kehendaknya dengan Bahagian ini akan berjalan seperti dahulu juga".

2. Masaalah Adat Negeri Sembilan Zaman Purbakala ini, sebagaimana sediamaklum kepada masyarakat Orang Melayu yang beradat dan bersuku, telah banyak tidak diketahui lagi oleh jenerasi muda dan kalaulah keadaan sedemikian itu tidak diperbaiki sekarang, maka hal Adat yang ternyata dalam Perlembagaan itu tidak siapa yang akan mengetahuinya lagi pada masa-masa depan kelak, dan sudah tentulah akan menimbulkan kerumitan yang amat sangat baik di kalangan masyarakat Melayu walaupun di pihak Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

3. Dalam perbincangan di Dewan Keadilan dan Undang tersebut di atas itu, kesimpulan telah tercapai seperti berikut di bawah ini:

"7.2. Perkara Adat Termasuk Semua Perlantikan Dato'-Dato' dalam Bidangnyanya:- Setiausaha

Dewan menyebarkan bahawa sampailah masanya perkara Adat yang tersirat di Negeri Sembilan ini disuratkan kerana pada masa yang sudah-sudah ini pengetahuan Adat dan tanggungjawab Dato'-Dato' dalam Bidangnyanya semua turun-menurun adalah hanya diketahui secara lisan sahaja yakni 'tersirat', tetapi pada zaman moden sekarang ini menjadi sukar malahan juga menjadi sumber-sumber pertelingkahan yang memecahbelah masyarakat Melayu di Negeri Sembilan ini disebabkan oleh ketiadaan satu-satu kuasa pegangan yang abadi atau diabadikan secara 'tersurat'.

Oleh yang demikian itu, adalah wajar sekali sekarang ini hal ehwal Adat termasuk jugalah proses perlantikan Dato'-Dato' Adat seluruhnya berasaskan rujukan yang benar-benar tersurat dengan sahnya demi keutuhan Perkara 32 (Bahagian Pertama) dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 (Perlembagaan) itu yang mana akan selaras pula dengan kuasa-kuasa yang ada pada Dewan Keadilan dan Undang mengikut Perkara 16 dalam Perlembagaan Negeri Sembilan itu.


Sidang Mesyuarat Dewan hari ini bersetuju berkehendakkan pihak Luak-Luak dan pihak-pihak Perut (Waris Soko) membuat Makalah-Makalah Adat masing-masing untuk dijadikan panduan-panduan bersurat yang akan boleh diterima untuk disahkan oleh Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan sebagai dokumen-dokumen "Authority" atau Kuasa Pegangan di masa-masa depan kelak".

4. Bertujuan kandungan kesimpulan Sidang Mesyuarat Dewan di atas itu dilaksanakan, maka adalah menjadi penting dan mustahak bagi Dewan Keadilan dan Undang ini mendapatkan Makalah-Makalah Hal Ehwal Adat yang menghuraikan Suku-Suku Keturunan (Soko) yang mempunyai hak dalam Perlantikan Buapak dan Lembaga, Penghulu-Penghulu Luak dan lain-lain termasuk jugalah giliran-giliran perut mewarisi jawatan Pcsaka Adat itu serta tugas-tugas dalam bidang tanggungjawabnya sekali, untuk dijadikan asas pengkajian oleh pihak Dewan Keadilan dan Undang ini yang akan pula menjadikannya bahan-bahan rujukan oleh Dewan Keadilan dan Undang yang mempunyai bidangkuasa yang mutlak untuk menasihati atas soal-soal yang berkaitan dengan Adat Istiadat Orang-Orang Melayu di mana-mana tempat dalam Negeri Sembilan ini termasuk soal-soal berkaitan dengan Pemilihan Warisan kepada atau perlucutan daripada Jawatan Adat yang tidak boleh sekali-kali dipertikaikan di mana Mahkamah-Mahkamah, Mahkamah Tinggi ataupun Mahkamah Persekutuan. Jelasnya, Dewan Keadilan dan Undang itu menjadi Badan Yang Tertinggi dalam Hal Ehwal Adat di Negeri Sembilan Darul-Khusus ini.

5. Adalah difahamkan bahawa penulisan Makalah-Makalah Adat yang dihasratkan itu akan memakan masa yang lanjut, tetapi adalah diharapkan Makalah Adat Suku (Soko) Dato' akan dapat diterima oleh Pejabat Dewan Keadilan dan Undang ini sebelum 30hb. September, 1982 depan ini.

6. Mendahuluih saya dengan ucapan berbanyak-banyak terimakasih.

Adalah saya dengan hormatnya,



(ISMAIL BIN HAJI KASSIM)
SETIAUSAHA,
DEWAN KEADILAN DAN UNDANG,
NEGERI SEMBILAN.

S.k:

Kebawah Duli
D.Y.M.M. Tuanku Yang Di-Pertuan Besar,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.

" Yang Amat Mulia,
Dato' Undang Luak Sungei Ujong,
SEREMBAN.

" Yang Amat Mulia,
Dato' Undang Luak Jelebu,
KUALA KLAUANG.

" Yang Amat Mulia,
Dato' Undang Luak Johol,
JOHOL.

" Yang Amat Mulia,
Dato' Undang Luak Rembau,
REMBAU.

" Yang Amat Mulia,
Tunku Besar Tampin,
TAMPIN.

" Yang Amat Mulia,
Tunku Besar Sri Menanti,
KUALA PILAH.

" Yang Amat Mulia,
Dato' Shahbandar Sungei Ujong,
SEREMBAN.

" Yang Amat Berhormat,
Menteri Besar,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.

" Yang Berhormat,
Dato' Setiausaha Kerajaan,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.

" Yang Berhormat,
Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"